

# UMP lancar perpustakaan digital, galak minat membaca

SUAR HARIAN (CUAMPUS)  
24/11/17 (CUAMPUS) M/S -41

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan perpustakaan digital sebagai menggalakkan dan memupuk minat membaca serta menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan warga UMP dan masyarakat setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim bertempat di Auditorium Perpustakaan UMP Pekan.

Dr Daing berkata, inisiatif itu sewajamnya dilihat sebagai satu respons strategik UMP terhadap realiti baharu global yang dicorakkan oleh transformasi landskap telekomunikasi dan juga The Internet of Thing (IoT).

"Kewujudan perpustakaan digital ini dapat meningkatkan capaian koleksi perpustakaan bagi manfaat warga kerja dan mahasiswa UMP, khususnya akses mereka terhadap bahan-bahan rujukan yang berkualiti dan berautoriti dalam format atas talian.

"Ia juga sebagai satu inisiatif teknologi yang inovatif bagi mengembangkan peranan perpustakaan UMP secara lebih



Pustakawan UMP, Muhammad Fawwaz Abdul Rasid menerangkan cara mengakses sumber digital kepada Dr Daing dan pihak pengurusan.

strategik dan kontemporari, sekali gus mengekalkannya sebagai sebuah pusat rujukan yang dinamik, komprehensif dan inklusif," katanya pada Majlis Pelancaran Perpustakaan Digital UMP.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor

(Akademik & Antarabangsa), Profesor Datuk Dr. Rosli Mohd Yunus dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Datuk Dr. Mashitah Mohd Yusoff.

Dr Daing berkata, peranan Perpustakaan UMP kini dilihat lebih intensif dalam

mendukung pelaksanaan Kursus Atas Talian Terbuka (MOOC) melalui perkhidmatan yang mengambil kira enam aspek berikut iaitu sumber yang banyak dan tidak terhad, kepelbagaiannya jenis bahan, platform yang sesuai dengan penggunaan internet di komputer, telefon bimbit dan tablet; akses tidak terhad (unlimited access) serta mobile friendly.

Sementara itu, Ketua Pustakawan UMP, Ruslan Che Pee berkata, pada masa kini Perpustakaan UMP merupakan perpustakaan hybrid yang mana integrasi antara perpustakaan konvensional dan digital.

"Di samping itu, ianya bertujuan mempromosikan inisiatif perpustakaan dalam menyediakan informasi dan sumber digital bagi membantu dan memudahkan semua pengguna untuk akses koleksi tersebut.

"Buat masa ini, UMP memiliki sembilan koleksi digital antaranya UMP Institutional Repository (UMPIR), EZPROXY, Online Tutorial dan yang terbaru adalah eCollIB," katanya.